



MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

NOTIS PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN BIL 1/2024

1. Adalah dimaklumkan bahawa, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) akan melaksanakan proses perolehan kerja secara undi bagi kerja-kerja seperti di **Lampiran A**.
2. Semua Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang beralamat di daerah **Kuala Kangsar** dan **Sungai Siput** adalah dijemput untuk menyertai undian bagi perolehan kerja-kerja kecil secara undian ini.
3. Pihak kontraktor yang berminat untuk menyertai proses kerja undi ini **WAJIB** mengisi borang pendaftaran kerja-kerja undi ini dengan lengkap dan membawa dokumen-dokumen yang diperlukan semasa sesi pendaftaran.
4. Borang pendaftaran boleh diperolehi menerusi **LAMAN WEB** rasmi Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mulai **23 FEBRUARI 2024** dan **TIDAK PERLU HADIR** ke pejabat untuk mengambil atau membuat pendaftaran dan mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
5. Hanya kontraktor yang mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan akan ini sahaja yang layak untuk menyertai cabutan undi ini. Kontraktor yang gagal untuk mendaftar pada tempoh waktu yang ditetapkan atau gagal memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan akan **DITOLAK**. Berikut merupakan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh pihak kontraktor:

- 5.1 Kad Pengenalan (Pemilik Syarikat)
- 5.2 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (CIDB)
- 5.3 Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (CIDB)
- 5.4 Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)
- 5.5 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- 5.6 Penyata Akaun 3 Bulan Terkini (November, Disember 2023 dan Januari 2024)

Nota:

- **Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) hingga enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh sah laku sijil**


NOTIS PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN BIL 1/2024

- **Kontraktor dikehendaki untuk membawa resit bayaran bagi sebarang pembaharuan lesen syarikat sekiranya tempoh sah laku sijil telah tamat.**
 - **Tawaran kerja ini adalah khusus bagi kod bidang tertentu. Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang tersebut sahaja yang layak untuk turut serta.**
 - **Penyata akaun bagi 3 bulan terkini adalah diwajibkan sebagai kriteria penilaian.**
 - **Hanya penama di dalam PPK, SPKK, atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil melalui pengisytiharan atau pengesahan pemohon.**
6. Selain itu, syarikat/kontraktor yang **SEDANG MELAKSANAKAN** kerja-kerja ditapak bagi perolehan di bawah selian MPKK juga **TIDAK LAYAK** untuk menyertai perolehan secara undian Bil. 1/2024.
 7. Sesi undian akan dilaksanakan secara fizikal pada **11 MAC 2024 (ISNIN)** di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar. Kontraktor **PERLU HADIR** untuk sesi cabutan undi tersebut dan wakil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
 8. Kontraktor yang layak akan diberikan nombor mewakili syarikat masing-masing mengikut turutan pendaftaran di peringkat pengundian. Nombor berkenaan akan dicatatkan dalam suatu daftar yang disediakan dan akan diumumkan semasa sesi pengundian berlangsung.
 9. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar di talian 05-7763199.
 10. Berikut merupakan tarikh-tarikh penting bagi pelaksanaan perolehan kerja secara undian yang akan dilaksanakan oleh pentadbiran ini mulai **23 FEBRUARI 2024 sehingga 11 MAC 2024**.

Bil.	Proses	Tarikh dan Lokasi
1.	Iklan Tawaran Kerja	<p style="text-align: center;">Tarikh: 23 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)</p> <p style="text-align: center;">Lokasi Iklan: Laman Web Rasmi MPKK: http://www.kualakangsar.gov.my</p> <p style="text-align: center;">Laman Facebook Rasmi MPKK: https://www.facebook.com/MPKUALAKANGSAR</p>

NOTIS PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN BIL 1/2024

		Papan Iklan MPKK
2.	Pendaftaran dan Sesi Pengundian	<p>Tarikh: 11 MAC 2024 (ISNIN)</p> <p>Masa Pendaftaran: 9.00 pagi hingga 10.00 pagi</p> <p>Masa Pengundian: 11.00 pagi</p> <p>Lokasi: Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar</p>
3.	Paparan Senarai Kontraktor Berjaya	<p>Tarikh: 12 MAC 2024 (SELASA)</p> <p>3.00 petang</p> <p>Lokasi:</p> <p>Laman Web Rasmi MPKK: http://www.kualakangsar.gov.my</p> <p>Laman Facebook Rasmi MPKK: https://www.facebook.com/MPKUALAKANGSAR</p> <p>Papan Iklan MPKK</p>



(DR SAKDUDDIN BIN ZAMLI)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Tarikh: 28.02.2024

LAMPIRAN A

SENARAI PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR BIL 1/2024

Bil.	Butiran Kerja	Syarat Kelayakan	Harga Projek (RM)
1.	Menurap Jalan Dan Lain-Lain Berkaitan Di RPA Salak, Kuala Kangsar, Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	100,000.00
2.	Menurap Jalan Dan Lain-Lain Berkaitan Di Taman Chandan Puteri, Kuala Kangsar, Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	100,000.00
3.	Membaik Pulih Longkang Dan Lain-lain Berkaitan Di Taman Putra, Kuala Kangsar, Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	100,000.00
4.	Menurap Jalan Dan Lain-Lain Berkaitan Di Kg. Kledang Fasa 1, Sg. Siput (U), Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	80,000.00
5.	Membaik Pulih Longkang Dan Lain-lain Berkaitan Di Kg. Bahagia, Sg. Siput (U), Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	80,000.00
6.	Membaik Pulih Longkang, Jalan Dan Lain-lain Berkaitan Di RPA Rimba Panjang, Sg. Siput (U), Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	85,000.00
7.	Membaik Pulih Jalan Dan Lain-lain Berkaitan Di Persiraran Puteri 3/28, Taman Chandan Puteri, Kuala Kangsar, Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	30,000.00
8.	Membaik Pulih Jalan Dan Lain-lain Berkaitan Di Persiraran Muhibbah Jaya 24, Taman Muhibbah Jaya, Sg. Siput (U), Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	27,000.00

NOTIS PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN BIL 1/2024

9.	Membaik Pulih Longkang, Jalan Dan Lain-lain Berkaitan Di Persiaran 7, Taman Chandan Puteri, Kuala Kangsar, Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	20,200.00
10.	Menurap Jalan Dan Lain-Lain Berkaitan Di RPA 4 & 5, Kuala Kangsar, Perak.	Gred G1, Kategori CE Pengkhususan CE01, CE21	85,000.00